



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHBAR

SURAT KHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	02.12.22	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	PERHILITAN		

12 | NASIONAL

SH021222

Bayi berusia setahun hilang disambar buaya

Bapa mangsa pula luka di bahagian kepala dan badan akibat dibaham haiwan liar itu di perairan Markas Operasi PPM, Lahad Datu

Oleh ASYIKIN ASMIN
LAHAD DATU

Seorang bapa cedera manakala bayi lakinya dilaporkan hilang selepas dibaham buaya dalam kejadian di perairan Markas Operasi Pasukan Gerakan Marin (PPM) di sini pada Khamis.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi itu, seorang lelaki berusia 40-an luka di bahagian kepala dan badan, manakala anaknya yang berusia setahun lebih dibaham serta dilarikan oleh haiwan berkenaan.

Petua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lahad Datu, Sumsoa Rashid berkata, kejadian dilaporkan pada jam 10.25 pagi dan seramai enam anggota dikejar ke lokasi kejadian.

"Menurut saksi, ketika kejadian dua mangsa terlibat disambar buaya ketika sedang mendayung perahu di kawasan perairan berkenaan.

"Seorang mangsa lelaki berjaya diselamatkan oleh orang awam manakala anaknya belum ditemui sehingga kini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Menurutnya, mangsa yang diselamatkan segera dihantar ke Hospital Lahad Datu dengan meng-



Pencarian seorang lagi mangsa giat dilakukan di perairan Markas Operasi PPM, Lahad Datu.



Mangsa yang berusia 40-an luka di bahagian kepala dan badan akibat dibaham buaya.

gunakan ambulans.

"Mangsa cedera di bahagian kepala dan dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

"Usaha mencari bayi berkenaan

sedang dilakukan dengan kaedah pencarian di permukaan atas air bersama PPM dengan menggunakan bot di kawasan mangsa dilaporkan dibaham buaya," ujar beliau.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

